



\$100,000 untuk nyanyi dua lagu

MENTERI Kewangan, Tengku Razaleigh Hamzah, disambut oleh Seniwati Dayang Sulu dan beberapa wakil SENIMAN ke majlis 'Malam Pancar Seni 1980' di sebuah hotel terkemuka di Kuala Lumpur, malam semalam.

Di majlis itu, Tengku Razaleigh diberi peluang menyanyikan dua lagu iaitu 'Selendang Sutera' dan sebuah lagu Inggeris.

Nyanyian beliau ditaja oleh seorang peniaga muda yang menyumbangkan \$100,000 untuk Tabung Kompleks UMNO Malaysia.

Turut mendapat tajaan menyanyi ialah Pemangku Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohammad dan Datin Seri Dr. Siti Hasmah dan Menteri Pelajaran, Datuk

Musa Hitam dengan dua lagu 'Abang Sayang' dan 'Benci Tapi Rindu' bernilai lebih \$60,000.

Persembahan Malam Pancar Seni selama tiga jam itu dipenuhi dengan nyanyian dan lawak jenaka dari artis-artis tempatan.

Penari-penari dari Studio Tradiosa turut mengiringi para penyanyi itu dari awal hingga akhir — Gambar Berita Harian.

Lebih 1,000 saksikan 'Malam Pancar Seni' di KL

KUALA LUMPUR, Khamis — Lebih 1,000 orang termasuk Menteri-menteri dan Timbalan Menteri menyaksikan persembahan 'Malam Pancar Seni' di sebuah hotel terkemuka di sini malam tadi.

Pemangku Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohammad merasmikan persembahan tiga jam itu. Turut sama ialah isterinya, Datin Seri Dr. Siti Hasmah dan beberapa Menteri Kabinet termasuk, Menteri Kewangan, Tengku Razaleigh Hamzah, dan Menteri Pelajaran, Datuk Musa Hitam.

Persembahan sebagai penutup tabir tahun itu dijayakan oleh lebih 100 orang penyanyi, pelawak, penari dan ahli muzik.

Kutipan dari persembahan itu akan diserahkan kepada tabung pembinaan kompleks Ibu pejabat UMNO Malaysia.

Dalam ucapan perasmian, Datuk Seri Dr. Mahathir memuji dan berterimakasih kepada para penderma yang bermurah hati membantu membiayai kompleks tersebut.

Beliau juga berbangga dengan persembahan ahli-ahli SENIMAN di bawah pimpinan Encik

Zainuddin Zimbo yang berलिह siang dan malam untuk menjayakan persembahan terbesar itu.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, Kerajaan akan berusaha mendapatkan satu tempat khas sebagai pusat latihan dan menyimpan khazanah seni-man-seniman tempatan.

Penyanyi S.M. Salim memulakan persembahan dengan lagu 'Seniman' ciptaan Wazata Zain. Beliau diiringi oleh penari-penari dari Studio Tradiosa pimpinan Daud Omar.

Ini diikuti dengan paduan suara M. Daud Kilau dan Kamariah Noor membawakan lagu 'Zapin Siribu', 'Wau Bulan' oleh Pop Ibrahim dan 'Potret Kasih' oleh Khatijah Ibrahim.

Biduan Negara Saloma muncul dengan lagu 'Anak Rantau'. Saloma kemudian berpadu suara dengan Aziz Jaafar mendedangkan lagu 'Gelora'.